

# PM arah banteras masalah disiplin pelajar

UM 24 AUG 2003

Oleh LAUPA JUNUS

KUALA LUMPUR 23 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengarahkan pihak sekolah supaya mengambil tindakan secara bersungguh-sungguh bagi membanteras masalah disiplin termasuk kegiatan samseng di kalangan pelajar.

Perdana Menteri berkata, pelajar yang sering menimbulkan masalah kepada sekolah tidak wajar dibenarkan meneruskan persekolahan kerana mereka akan mengganggu pelajar lain.

"Kalau mereka ini tidak hendak belajar, kita tidak boleh benar mereka ke sekolah, pergi kacau penuntut lain.

"Mereka ini pengecut, bila ramai dia beranilah, dia ramai...buli satu orang," katanya selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Nasional Parti Gerakan Ke-32 di sini hari ini.

Perdana Menteri menyatakan demikian bagi mengulas gejala samseng yang berlaku di sekolah yang kerap dilaporkan sejak kebelakangan ini.

Kelmarin, seramai 20 pelajar Sekolah Tuanku Abdul Rahman (STAR), Ipoh disingkir kerana cuba menghidupkan semula budaya ala samseng yang dikenali sebagai High Council.

Kesemua pelajar tingkatan lima yang disingkir itu dijadualkan mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) hujung tahun ini.

Pada 13 Ogos lalu, seorang pelajar lelaki tingkatan empat Sekolah Menengah Teknik Batu Pahat, Mohd. Hafizi Jumhari, 16, dibelasah sekumpulan pelajar di asrama sekolahnya.

Pelajar tersebut kehilangan buah pinggang kiri manakala beberapa organ dalamnya seperti bahagian pundi kencing, hempedu dan pankreas mengalami kecederaan teruk akibat kejadian itu.

---

## Kajian

Ketika diminta mengulas sama ada Kementerian Pendidikan perlu menyiasat semua sekolah berasrama penuh bagi memastikan mereka bersih daripada gejala samseng, Perdana Menteri berkata:

"Saya percaya Kementerian Pendidikan akan berbuat demikian."

Katanya, pada masa ini tidak ada keperluan untuk menjalankan kajian menyeluruh bagi mengenal pasti punca masalah tersebut.

Kerajaan bagaimanapun katanya, bersedia untuk menimbang sama ada perlu menjalankan kajian tersebut pada masa akan datang.

Mengenai kemungkinan gejala samseng berlaku di kalangan pelajar berpunca daripada kepincangan sistem pendidikan, Dr. Mahathir menjelaskan, banyak masalah sosial dan jenayah berlaku kerana pengaruh filem barat yang menayangkan aksi ganas dan seks tanpa ditapis.

Beliau yang kecewa dengan gejala tersebut berkata, apabila kerajaan ingin menapis filem-filem jenis itu, segelintir pihak menentang dengan memberi alasan bahawa ia satu kebebasan.

"Kebebasan apa? Untuk bunuh orang," ujar beliau.